

TINDAKAN MESYUARAT JAWATANKUASA AKADEMIK PENGAJIAN SISWAZAH UNIVERSITI (JAPSU) BIL 1 2016/2017

TARIKH: 26 SEPTEMBER 2016 BIL: 1 2016/2017

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
1.0	ALUAN Pengerusi		
	1.1 Perkhidmatan Penterjemahan oleh Akademi Bahasa 1.1.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat JKTS pada 20 September yang lalu telah memutuskan untuk meminta Akademi Bahasa memberikan perkhidmatan penterjemahan abstrak Bahasa Melayu bagi pelajar antarabangsa. Telah dimaklumkan juga di dalam JKTS peperiksaan dan pengijazahan perkhidmatan ini akan dikenakan bayaran. TD(A) Akademi Bahasa memaklumkan bahawa telah mengambil maklum perkara ini dan akan membincangkannya di peringkat fakulti. Unit BPB SPS diminta untuk membuat semakan susulan berkaitan perkara ini.	<i>Tindakan : BPB SPS</i>	
	1.2 Calon Penerima Anugerah Akademik 1.2.1 Pengerusi memaklumkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan	<i>Tindakan : TDA Fakulti dan Urus Setia</i>	Makluman telah disampaikan kepada TD(A) dan urusetia juga

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	Hadiah Akademik telah selesai membentangkan calon penerima anugerah hadiah akademik. Beliau memaklumkan bahawa terdapat fakulti yang tidak bersedia semasa pembentangan tersebut. Pengerusi memohon TD(A) fakulti memaklumkan kepada Dekan agar Dekan dapat meneliti maklumat pelajar bagi mempertahankan dalam mesyuarat JKTS (P&P) kelak.		akan memaklumkan pada mesyuarat pencalonan akan datang.
	1.2.2 Pengerusi mencadangkan kepada ahli JAPSU bahawa bagi proses saringan pemilihan hadiah akademik konvokesyen akan datang dilakukan di peringkat fakulti. Fakulti akan dibenarkan untuk mencapai sistem hadiah akademik bagi semakan dokumen sokongan seterusnya mencadangkan 5 calon bagi setiap fakulti bagi dipilih di Mesyuarat Jawatankuasa Pemilihan Hadiah Akademik. Urusetia diminta untuk menyemak semula proses kerja sebelum proses kerja bermula.	Tindakan : Urus Setia Hadiah Akademik dan Fakulti	Urusetia dalam proses mengemaskini proses kerja Pencalonan Hadiah Akademik dan akan dibentangkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Pencalonan Hadiah Akademik akan datang.
	1.2.3 Pengerusi meminta AMD memberikan jadual tarikh JKTS yang terakhir untuk cadangan graduan sebelum majlis konvokesyen.	Tindakan : AMD	AMD mengambil maklum dan JKTS terakhir sebelum Majlis Konvokesyen UTM ke-57 ialah pada 20 Oktober 2016. Amalah AMD

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
			menyediakan jadual bagi tempoh setahun. Bagi tahun 2017, jadual akan diedarkan pada Disember nanti.
2.0	MELULUSKAN MINIT MESYUARAT JAPSU BIL 12/2015/2016		
	2.2 Tempahan Tiket VIVA Pengerusi mengingatkan kepada semua fakulti bahawa tempahan tiket bagi VIVA Sarjana dilakukan oleh fakulti. Sekiranya penilai luar memberikan B1, fakulti dibenarkan untuk menjalankan VIVA tanpa menjemput penilai luar tersebut. Tetapi sekiranya penilai tetap ingin hadir semasa VIVA, ia adalah dibenarkan. Pengerusi meminta urusetia menyemak kembali dengan pihak Bendahari untuk mendapatkan kredit kad bagi kegunaan tempahan tiket kapal terbang bagi urusan VIVA.	Tindakan : Pegawai Kewangan SPS	Pejabat bendahari masih menunggu kelulusan daripada <i>board meeting</i> CIMB Group berkenaan kelulusan kad kredit untuk tujuan tempahan tiket kapal terbang
	2.3 Lawatan Semakan Notis Hantar Tesis Di FBME Pengerusi memutuskan untuk mengadakan satu lawatan ke FBME pada bulan Oktober 2016. Tarikh tidak akan dimaklumkan dan pengerusi memohon FBME bersedia.	Tindakan : Urusetia SPS	Tarikh telah ditetapkan. Lawatan tersebut akan dihadiri oleh TD(BPB), Pengurus Akademik(BPB), PPK (BPB) dan Unit BPB.
	2.4 Keputusan Mesyuarat Senat / JKTS (Peperiksaan dan Pengijazahan) TD(A) Fakulti Sains memohon sekiranya	Tindakan : AMD	Urusetia Senat akan email tindakan dan juga minit mesyuarat Senat kepada Dekan selaku ahli mesyuarat Senat.

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	dibenarkan keputusan Mesyuarat Senat diketahui oleh fakulti terutamanya jika terdapat tindakan yang perlu diambil. Pihak AMD akan menyemak dengan Urusetia Senat kerana maklumat dan keputusan Mesyuarat Senat adalah rahsia.		Urusetia JKTS Peperiksaan dan Pengijazahan pula akan email kepada Dekan, JAPSU dan Timbalan Pendaftar fakulti.
6.0	PERMOHONAN PELANJUTAN TEMPOH PEMBETULAN		
	6.1 SYED KALEEM ULLAH SHAH BUKHARI (PP103032) Mesyuarat meluluskan permohonan perlanjutan tempoh pembetulan tesis pelajar satu (1) bulan dari tarikh mesyuarat. JAPSU juga memutuskan pelajar perlu membuat pembetulan seperti laporan pengerusi semasa VIVA. Ini adalah kerana laporan yang disediakan oleh Pemeriksa Dalam adalah di dalam Bahasa Melayu. Penyelia diminta untuk menyemak pembetulan dahulu sebelum disemak oleh Pemeriksa Dalam. Pengerusi juga mencadangkan surat pelantikan sebagai panel pemeriksa tesis perlu dinyatakan bahawa laporan hendaklah dibuat di dalam Bahasa Inggeris.	Tindakan : Urusetia SPS dan Fakulti FP	Selesai. Tindakan telah diambil dan satu perjumpaan antara TD(BPB) bersama Pemeriksa Dalam akan dilakukan dalam masa terdekat.
8.0	LAPORAN BAHAGIAN		
	8.2 Laporan Bahagian Pengambilan dan Kemasukan Pelajar (SRAD) 8.2.1 Mesyuarat mencadangkan SRAD	Tindakan : SRAD	

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
	membuat bengkel khas untuk gerak gempur pengambilan pelajar bersama semua Timbalan Dekan (Akademik) fakulti. Mesyuarat juga dimaklumkan bahawa visa boleh diperolehi dalam tempoh 2 bulan setelah mendapat surat tawaran sekiranya permohonan lengkap.		
9.0	HAL-HAL LAIN		
	9.1 PEMBAYARAN YURAN PELAJAR ANTARABANGSA – NEGARA BERGOLAK Mesyuarat JAPSU meminta pihak AMD membuat satu perbincangan bersama pihak Bendahari bagi membincangkan isu pembayaran yuran pelajar antarabangsa dari negara bergolak. Isu yang dicadang untuk dibincangkan adalah berkaitan pembayaran yuran pengajian secara ansuran atau kaedah lain yang difikirkan bersesuaian.	Tindakan : AMD	Perkara ini telah dibangkitkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Akademik (JKPA) pada 27 September 2016. Pejabat Bendahari memaklumkan adalah tidak wajar diberikan pelepasan kepada berkenaan kerana hutang ini adalah hutang tertunggak (semester lepas). Pelajar juga telah diberikan peluang menyelesaikan hutang tertunggak sejak bulan Februari lagi. Buat masa ini, Pejabat Bendahari masih tidak menerima sebarang surat rasmi daripada mana-mana pihak kedutaan. Pihak

RUJUKAN	PERKARA	PIHAK BERTANGGUNGJAWAB	TINDAKAN
			Kedutaan Yemen ada memaklumkan senarai terkini pelajar tetapi bukan semua pelajar Yemen tersenarai. Difahamkan pihak Yemen memberikan pelajar USD3000 tetapi jumlah ini hanya cukup untuk pelajar program Perdana sahaja.
	9.3 Taklimat Penyelia Industri Pada 8 September satu taklimat telah diadakan kepada penyelia industri namun seramai 29 penyelia telah tidak hadir. Dr. Shreeshivadasan dimohon untuk mengemelkan kepada TD(A) senarai nama penyelia terlibat dan penyelia perlu memberi sebab akan ketidakhadiran ke taklimat tersebut.	<i>Tindakan : Pengurus Akademik UTMKL (Hubungan Korporat) dan Fakulti</i>	